

## **27 Peratus Pekerja Seluruh Malaysia Dapat Manfaat Dari Dasar Gaji Minimum**

**Bernama**

**20 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) - Kira-kira 27 peratus daripada pekerja di seluruh Malaysia akan mendapat manfaat daripada dasar gaji minimum, demikian menurut Bank Negara Malaysia (BNM).

Katanya pekerja di Semenanjung Malaysia yang terbabit dijangka menerima kenaikan gaji 33 peratus manakala mereka di Sabah dan Sarawak akan menerima kenaikan 38 peratus.

"Mengikut sektor ekonomi, industri pertanian dijangka menerima kenaikan gaji yang paling tinggi kerana 43 peratus pekerja dalam sektor itu menerima gaji yang lebih rendah daripada gaji minimum sebelum dasar ini dilaksanakan," kata BNM dalam Laporan Tahunan 2012 yang dikeluarkan di sini Rabu.

BNM berkata dasar gaji minimum dijangka memainkan peranan yang penting dalam menangani ketidakcekapan dalam pasaran pekerja dan mempertingkatkan kebajikan pekerja berpendapatan rendah.

Menurutnya, penetapan paras minimum baharu bagi gaji akan mengurangkan herotan dalam pasaran pekerja dan memaksimumkan kecekapan penggunaan pekerja dalam ekonomi.

Bank pusat itu berkata kenaikan gaji pekerja berpendapatan rendah pada paras yang dapat memenuhi keperluan asas mereka akan meningkatkan kebajikan ekonomi pekerja dengan meninggikan taraf hidup.

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi dan berproduktiviti tinggi, dasar gaji minimum memberikan insentif kepada firma serta pekerja untuk melaksanakan langkah peningkatan produktiviti, kata BNM.

"Dalam jangka masa pendek, dasar gaji minimum akan menyebabkan firma menanggung tekanan kos lebih tinggi, terutamanya bagi firma yang amat bergantung pada pekerja bergaji rendah," katanya.

Bagaimanapun, dalam jangka sederhana hingga panjang, dasar gaji minimum dijangka memberikan kesan positif terhadap ekonomi Malaysia dan kos dan risiko jangka pendek dasar gaji minimum terhadap inflasi dijangka dapat dikawal dengan baik.

BNM berkata dasar gaji minimum akan menjadi langkah positif ke arah menggalakkan struktur gaji yang lebih saksama, dan menyumbang kepada penggalakan aktiviti nilai ditambah lebih tinggi dan pekerjaan berkemahiran lebih tinggi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936010>